

Sabtu, 2 Mei 2020 | 5:16pm



Rosol (dua dari kiri) memeriksa harga telur ketika mengadakan lawatan dan pemantauan harga di Pasaraya TMC Mesra Mall di Kemasik, hari ini. - NSTP/Rosli Ilham

PKP: Aduan peniaga runcit naikkan harga barang disiasat

Oleh Rosli Ilham
bhnews@bh.com.my

CHUKAI: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menyiasat dakwaan kenaikan harga barang dapur di kedai runcit sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, berkata pegawai sudah diarah menyiasat perkara itu yang didakwa berlaku di Kelantan dan menunggu laporan siasatan.

"Kita ada terima laporan itu dengan kebanyakannya membabitkan kedai runcit yang diusahakan warga asing yang dikatakan mengenakan harga melampau kepada orang kampung.

"Peniaga ini kebanyakannya warga Aceh dan Pakistan, bukan sahaja di Kelantan seperti aduan diterima malah di seluruh negara," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan dan pemantauan harga di Pasaraya TMC Mesra Mall di Kemasik, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Mohd Zahari Razali dan Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mat Kia.

Rosol berkata, tindakan undang-undang akan diambil jika terbukti peniaga mengaut keuntungan berganda.

"Kita minta kerjasama pengguna memberi butiran lengkap bagi memudahkan KPDNHEP menyiasat dan mendakwa mereka di mahkamah," katanya.

Rosol berkata, KPDNHEP menerima 16,843 aduan berhubung kenaikan harga barang menerusi aplikasi WhatsApp, E-aduan dan Talian Hotline Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC).

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 1,599 aduan berhubung bekalan dan harga produk makanan dan minuman manakala 862 aduan mengenai topeng muka.

"Sebanyak 216 kes pelbagai kesalahan dicatat sepanjang PKP iaitu 162 kes di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan 29 kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Katanya, sebanyak 168 kompaun dikeluarkan membabitkan nilai RM136,950 dan rampasan barang berjumlah RM850,031 sejak 18 Mac lalu.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/684379/pkp-aduan-peniaga-runcit-naikkan-harga-barang-disiasat>